



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**MANIFESTO BARISAN NASIONAL SEBAGAI AGENDA AKHBAR  
BAHASA MELAYU SEMASA TEMPOH KEMPEN PILIHAN RAYA UMUM**

AHMAD ZAHID HAMIDI

FBMK 2008 4

**MANIFESTO BARISAN NASIONAL SEBAGAI  
AGENDA AKHBAR BAHASA MELAYU SEMASA  
TEMPOH KEMPEN PILIHAN RAYA UMUM**

**AHMAD ZAHID HAMIDI**

**DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2008**



**MANIFESTO BARISAN NASIONAL SEBAGAI AGENDA AKHBAR BAHASA  
MELAYU SEMASA TEMPOH KEMPEN PILIHAN RAYA UMUM**

**Oleh**

**AHMAD ZAHID HAMIDI**

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Februari 2008**



## **DEDIKASI**

**Dengan Menyebut Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihi**

**Tesis ini didedikasikan untuk...**

**Emak Tersayang: Hajah Tuminah binti Haji Abdul Jalil**

**Bapak Tersayang: Hamidi @ Raden Haji Ahmad Tarmidzi Raden Haji Abdul Fateh**

**Isteri Tersayang:**

**Hamidah Haji Khamis**

**Keluarga Tersayang:**

**Nurulhidayah**

**Nurulizwani**

**Ahmad Khairul Hafiez**

**Ahmad Syafiq Hazieq**

**Ahmad Asyraf Arieffe**

**Menantu Tersayang:**

**Syed Alman Zain Syed Alwi**

**Zulhisham Zakaria**

**Cucu Tersayang:**

**Arjuna Iskandar**

**Nur Arianna Andrea**

**Terima kasih kerana menjadi pendorong paling mampan dan sedia faham dalam menjayakan penghasilan tesis Doktor Falsafah.**

Abstrak tesis yang telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**MANIFESTO BARISAN NASIONAL SEBAGAI AGENDA AKHBAR BAHASA  
MELAYU SEMASA TEMPOH KEMPEN PILIHAN RAYA UMUM**

Oleh

**AHMAD ZAHID HAMIDI**

**Februari 2008**

**Pengerusi :Md. Salleh Hj Hassan, PhD**

**Fakulti :Bahasa Moden dan Komunikasi**

Tujuan utama kajian ini bagi mengenal pasti agenda akhbar bahasa Melayu semasa tempoh kempen pilihan raya umum. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti penggunaan manifesto Barisan Nasional (BN) sebagai agenda akhbar bahasa Melayu ketika pilihan raya umum untuk tahun 1982, 1986, 1990, 1995 dan 1999. Model kajian ini berdasarkan Teori Penentuan Agenda. Satu analisis kandungan telah dilakukan terhadap 50 naskhah Utusan Malaysia dan Berita Harian. Kajian ini mendapati 11 tema utama yang kerap digunakan dalam manifesto Barisan Nasional iaitu politik, dasar luar, pembangunan, ekonomi, sosial, pendidikan, keselamatan, agama, kebajikan pekerja, pertanian dan kualiti hidup. Perkara-perkara tersebut juga merupakan tema utama dalam halaman akhbar bahasa Melayu ketika pilihan raya untuk tahun kajian ini dijalankan. Analisis ini juga mendapati 4461 berita yang dimuatkan dalam manifesto Barisan Nasional menerusi 11 tema berita utama didahului oleh politik dan kualiti kehidupan

berada pada senarai terakhir. Kajian ini juga menunjukkan manifesto Barisan Nasional dimuatkan dalam kebanyakan bahagian paparan seperti berita Dalam Negeri, Luar Negara, Ruangan Khas, Ruang Utama, Lidah Pengarang, Iklan, Ekonomi, Asean, Forum, Rencana dan Lain-lain. Di samping itu, liputan mengenai Berita, Rencana, Gambar, Lidah Pengarang, Surat kepada Pengarang, Kartun, Kolumnis dan Komentar juga didapati dalam manifesto Barisan Nasional. Kajian ini jelas menunjukkan agenda kedua-dua akhbar bahasa Melayu di negara ini ketika pilihan raya untuk tahun 1982, 1986, 1990, 1995 dan 1999; dibina berdasarkan kandungan manifesto Barisan Nasional. Terdapat perbezaan yang kecil antara kedua-dua akhbar dari aspek liputan berita terhadap manifesto Barisan Nasional semasa tempoh kempen pilihan raya umum. Kajian ini juga mengukuhkan Teori Penentuan Agenda memandangkan kedua-dua akhbar berkenaan menunjukkan kecenderungan terhadap amalan penentuan agenda kerana akhbar-akhbar berkenaan dimiliki oleh parti pemerintah yang mahukan pengamal media kedua-dua akhbar berkenaan menterjemahkan agenda parti dalam semua liputan dalam halaman akhbar mereka.

Absract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**MANIFESTO OF BARISAN NASIONAL AS THE MALAY LANGUAGE  
NEWSPAPERS' MEDIA AGENDA DURING THE CAMPAIGN PERIOD OF  
GENERAL ELECTION**

By

**AHMAD ZAHID HAMIDI**

**February 2008**

**Chair : Md. Salleh Hj Hassan, PhD**

**Faculty : Modern Languages and Communication**

The main purpose of the study is to examine the Malay language newspaper's media agenda during the general election. The study was also conducted to examine the use of the Barisan Nasional (BN) manifesto as the media agenda during the general election for the year 1982, 1986, 1990, 1995 and 1999. A model for the study was constructed based on the Agenda Setting Theory. A content analysis was conducted on 50 issues of Utusan Malaysia (UM) and Berita Harian (BH). The study found that there were 11 major themes frequently used in the BN manifesto namely; politics, foreign policy, development, economy, social, education, security, religion, workers welfare, agriculture and the quality of life. Such were the main themes in the news during the general election for the year of the study. The content analysis found that there were 4461 news with the BN manifesto shown in 11 major news themes with "politics" in the lead and the



“quality of life” ending the list. It also showed that the BN manifesto was mainly covered in various sections such as the Local News, Foreign News, Special Column, Main Column, Editorial, Advertisement, Economy, Asean, Forum, Articles and Others. While the coverage on News, Articles, Photograph, Editorial, Letter to the Editor, Cartoon, Columnist and Comments also showed the present of BN manifesto. There was also a small difference between the two newspapers in terms of its news coverage on the BN manifesto during the general election. The study clearly showed that the media agenda of the two mainstream newspapers in the country was framed by the content of the BN manifesto during the duration of the general election for the year 1982, 1986, 1990, 1995 and 1999 and thus, strengthening the Agenda Setting Theory.

## PENGHARGAAN

Saya merafakkan syukur ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan inayahNya serta memberikan kudrat kepada saya sehingga selesainya kertas projek ini bagi menyempurnakan pengajian Doktor Falsafah, Komunikasi Kemanusiaan, Universiti Putra Malaysia.

Penghargaan dan terima kasih (jazakalaha kashira) kepada Prof. Dr. Md. Salleh Hj Hassan selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang telah membimbing dan memandu saya menyiapkan tesis ini serta semua anggota jawatankuasa penyeliaan tesis, terutamanya Prof. Dato' Dr. Syed Arabi Idid (Rektor, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), Prof. Madya Dr. Ezhar Tamam dan Prof. Madya Dr. Azahari Ismail. Begitu juga pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, Prof. Dr. Musa Haji Abu Hassan, Prof. Madya Dr. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad dan Dr. Hamisah Hasan. Tidak ketinggalan kepada pegawai khas saya, Abdul Rahman Shaik yang masih dapat berdaya tahan dengan karenah dan kesibukan saya untuk mengingatkan menyiapkan tesis ini.

Rasa kasih yang mendalam terhadap isteri Datin Hamidah Haji Khamis yang telah mendorong dan menyuntik semangat untuk saya terus menimba ilmu serta anak-anak, menantu dan cucu; Nurulhidayah, Nurulizwani, Ahmad Khairul Hafiez, Ahmad Syafiq Hazieq, Ahmad Asyraf Arieffe dan Syed Alman Zain Syed Alwi, Zulhisham Zakaria bersama Arjuna Iskandar dan Nur Arianna Andrea yang telah “mencabar” dan memacu semangat untuk saya meredah rimba ilmu yang tiada penghujungnya.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa bagi Ahmad Zahid Hamidi telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 1 Februari 2008 untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau bertajuk “Manifesto Barisan Nasional Sebagai Agenda Akhbar Bahasa Melayu Semasa Tempoh Kempen Pilihan Raya Umum” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

**Narimah Ismail, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Musa Abu Hassan, PhD**

Profesor  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Turiman Suandi, PhD**

Profesor  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Mohd Safar Hasim, PhD**

Profesor  
Pusat Pengajian Media dan Komunikasi  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Md Salleh Haji Hassan, PhD**

Profesor

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Syed Arabi Idid, PhD**

Rektor dan Profesor

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

(Ahli)

**Ezhar Tamam, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**Azahari Ismail, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**AINI IDERIS,PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 21 Februari 2008

## **PERAKUAN**

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

---

**AHMAD ZAHID HAMIDI**

Tarikh: 11 Februari 2008

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>DEDIKASI</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vii
<b>PENGESAHAN</b>	viii
<b>PERAKUAN</b>	x
<b>KANDUNGAN</b>	xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xviii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xix

## BAB

<b>I</b>	<b>PENGENALAN</b>	1
	Penyataan Masalah	3
	Objektif Umum	5
	Objektif Khusus	6
	Skop Kajian	7
	Limitasi Kajian	8
	Kepentingan Kajian	8
	Ringkasan	11
<b>II</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	12
	Proses Pilihan Raya Umum di Malaysia	12
	Proses Demokrasi di Malaysia	14
	Era Kepimpinan Politik di Malaysia	19
	Tunku Abdul Rahman Putra	21
	Tun Abdul Razak Hussein	22
	Tun Hussein Onn	23
	Tun Dr. Mahathir Mohamad	24
	Pendekatan Komunikasi Politik Antara	
	Perdana Menteri	25
	Sejarah Media Cetak di Malaysia	26
	Sejarah Akhbar Utusan Malaysia dan Mingguan	
	Malaysia	27
	Sejarah Akhbar Berita Harian dan Berita Minggu	29
	Prinsip-prinsip Komunikasi Politik	33
	Teori-teori yang Mendasari Kajian	35

Teori Penentuan Agenda (Agenda Setting Theory)	35
Teori Pembinaan Agenda (Agenda Building Theory)	49
Akhbar dan Peranannya	62
Penguasaan Politik dalam Kuasa Akhbar	64
Aspek Penonjolan Berita Manifesto BN	76
Kajian-kajian Terdahulu	79
Takrifan Konsep	83
Berita	83
Tema Berita	84
Ruang Letak Berita	84
Jenis Paparan	85
Ringkasan	85
<b>III METODOLOGI</b>	<b>86</b>
Kaedah Kajian	87
Populasi dan Persampelan	92
Manifesto Barisan Nasional	95
Takrif Kendalian	98
Kategori Tema	99
Politik	100
Dasar Luar Negara	100
Pembangunan	100
Ekonomi	101
Sosial	101
Pendidikan	101
Keselamatan	101
Agama	102
Kebajikan Pekerja	102
Pertanian	102
Kualiti Hidup	103
Ruang Letak Berita	103
Ruang Utama	103
Ruang Lidah Pengarang	104
Ruang Forum	104
Ruang Luar Negara atau Dunia	104
Ruang Asean atau Serambi Asean	104
Ruang Dalam Negeri	104
Ruang Ekonomi	105
Ruang Rencana	105
Ruang Iklan	105
Ruangan Khas	105
Ruang Lain-lain	106
Jenis Paparan	106
Berita	106

Lidah Pengarang	107
Rencana	107
Kolumnis (Pojok)	108
Komentar	108
Surat Pembaca	108
Kartun	109
Gambar	109
Proses Pengumpulan Data	109
Kriteria Pemilihan Sampel	109
Latihan Kepada Pengekod	112
Penggunaan Borang Koding	112
Pembentukan Kategori	113
Pra Ujian	115
Unit Analisis	115
Teknik Menganalisis Data	118
Kebolehpercayaan	118
<b>IV HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>123</b>
Liputan Akhbar Tentang Manifesto Barisan Nasional	125
Latar Belakang Berita	125
Ruang Letak Berita	128
Jenis Paparan	137
Tema Berita Utama	144
Tema Politik	147
Tema Politik dan Ruang Letak Berita	149
Tema Politik dan Jenis Paparan	155
Tema Dasar Luar Negara	160
Tema Dasar Luar Negara dan Ruang Letak Berita	162
Tema Dasar Luar Negara dan Jenis Paparan	169
Tema Pembangunan	173
Tema Pembangunan dan Ruang Letak Berita	174
Tema Pembangunan dan Jenis Paparan	178
Tema Ekonomi	182
Tema Ekonomi dan Ruang Letak Berita	183
Tema Ekonomi dan Jenis Paparan	188
Tema Sosial	190
Tema Sosial dan Ruang Letak Berita	192
Tema Sosial dan Jenis Paparan	195
Tema Pendidikan	198
Tema Pendidikan dan Ruang Letak Berita	200
Tema Pendidikan dan Jenis Paparan	203
Tema Keselamatan	206
Tema Keselamatan dan Ruang Letak Berita	207
Tema Keselamatan dan Jenis Paparan	209

Tema Agama	212
Tema Agama dan Ruang Letak Berita	213
Tema Agama dan Jenis Paparan	215
Tema Kebajikan Pekerja	218
Tema Kebajikan Pekerja dan Ruang Letak Berita	219
Tema Kebajikan dan Jenis Paparan	222
Tema Pertanian	224
Tema Pertanian dan Ruang Letak Berita	225
Tema Pertanian dan Jenis Paparan	227
Tema Kualiti Hidup	229
Tema Kualiti Hidup dan Ruang Letak Berita	230
Tema Kualiti Hidup dan Jenis Paparan	231
Persamaan Isu Utama Manifesto dan Berita Utama Media Perdana	232
Persamaan dan Perbezaan Tema Berita Utama Akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian	235
<b>V RUMUSAN DAN KESIMPULAN KAJIAN</b>	238
Ringkasan Kajian	238
Rumusan	239
Kesimpulan	243
Implikasi Kajian	247
Implikasi Perspektif Teoritikal	247
Implikasi Perspektif Polisi	248
Implikasi Perspektif Amalan	249
Cadangan Kajian Masa Hadapan	249
<b>RUJUKAN</b>	252
<b>LAMPIRAN</b>	260
<b>BIODATA PELAJAR</b>	265

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
1. Tarikh Keluar Manifesto Hingga Tamat Pilihan Raya	93
2. Jumlah Keseluruhan dan Hari Terbitan Akhbar yang Dikaji	93
3. "Tagline" Manifesto Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum	95
4. Klasifikasi Isu Utama Manifesto Barisan Nasional Semasa Pilihan Raya Mengikut Tahun	97
5. Jumlah Keseluruhan Berita Manifesto BN bagi Akhbar UM dan BH Semasa Tempoh Pilihan Raya Umum	125
6. Taburan Keseluruhan Berita Manifesto BN bagi Akhbar UM dan BH Mengikut Tahun Pilihan Raya Umum	127
7. Ruang Letak Berita Kandungan Manifesto BN Keseluruhan	129
8. Ruang Letak Berita Keseluruhan Mengikut Tahun Pilihan Raya Umum Bagi Akhbar Utusan Malaysia	131
9. Ruang Letak Berita Keseluruhan Mengikut Tahun Pilihan Raya Umum bagi Akhbar Berita Harian	134
10. Jenis Paparan Keseluruhan	138
11. Keseluruhan Jenis Paparan Mengenai Manifesto BN bagi Akhbar Utusan Malaysia Mengikut Tahun Pilihan Raya Umum	139
12. Keseluruhan Jenis Paparan Mengenai Manifesto BN bagi Akhbar Berita Harian Mengikut Tahun Pilihan Raya Umum	141
13. Jumlah Keseluruhan Tema Berita Utama	145
14. Keseluruhan Tema Politik	148
15. Perbandingan Keseluruhan Tema Politik dan Ruang Letak Berita	152
16. Perbandingan Keseluruhan Tema Politik dan Jenis Paparan	157
17. Keseluruhan Tema Dasar Luar Negara	161

18.	Perbandingan Keseluruhan Tema Dasar Luar Negara dan Ruang Letak	164
19.	Perbandingan Keseluruhan Tema Dasar Luar Negara dan Jenis Paparan	170
20.	Keseluruhan Tema Pembangunan	173
21.	Perbandingan Keseluruhan Tema Pembangunan dan Ruang Letak Berita	175
22.	Perbandingan Keseluruhan Tema Pembangunan dan Jenis Paparan	179
23.	Keseluruhan Tema Ekonomi	183
24.	Perbandingan Keseluruhan Tema Ekonomi dan Ruang Letak Berita	185
25.	Perbandingan Keseluruhan Tema Ekonomi dan Jenis Paparan	189
26.	Keseluruhan Tema Sosial	191
27.	Perbandingan Keseluruhan Tema Sosial dan Ruang Letak Berita	193
28.	Perbandingan Keseluruhan Tema Sosial dan Jenis Paparan	196
29.	Keseluruhan Tema Pendidikan	199
30.	Perbandingan Keseluruhan Tema Pendidikan dan Ruang Letak Berita	202
31.	Perbandingan Keseluruhan Tema Pendidikan dan Jenis Paparan	204
32.	Keseluruhan Tema Keselamatan	206
33.	Perbandingan Keseluruhan Tema Keselamatan dan Ruang Letak Berita	209
34.	Perbandingan Keseluruhan Tema Keselamatan dan Jenis Paparan	211
35.	Keseluruhan Tema Agama	212
36.	Perbandingan Keseluruhan Tema Agama dan Ruang Letak Berita	214
37.	Perbandingan Keseluruhan Tema Agama dan Jenis Paparan	216
38.	Keseluruhan Tema Kebajikan Pekerja	219
39.	Perbandingan Keseluruhan Tema Kebajikan Pekerja dan Ruang Letak Berita	221

40.	Perbandingan Keseluruhan Tema Kebajikan Pekerja dan Jenis Paparan	223
41.	Keseluruhan Tema Pertanian	224
42.	Perbandingan Keseluruhan Tema Pertanian dan Ruang Letak Berita	226
43.	Perbandingan Keseluruhan Tema Pertanian dan Jenis Paparan	228
44.	Keseluruhan Tema Kualiti Hidup	229
45.	Perbandingan Keseluruhan Tema Kualiti Hidup dan Ruang Letak Berita	230
46.	Perbandingan Keseluruhan Tema Kualiti Hidup dan Jenis Paparan	231
47.	Persamaan Isu Utama Manifesto BN dengan Tema Utama Berita Akhbar UM dan BH Sepanjang Tempoh Pilihan Raya Umum	234
48.	Persamaan dan Perbezaan Tema Berita Utama dalam Akhbar UM dan BH Semasa Tempoh Tahun Pilihan Raya Umum	236

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
1. Sumber dan Kesan Penonjolan Isu-isu	47
2. Kesinambungan Fungsi Akhbar dan Manifesto	74
3. Tahap Penentuan Agenda	76
4. Kerangka Model Pembinaan Agenda Media	78
5. Carta Proses Pengumpulan Data bagi Analisis Kandungan	117
6. Model Pembinaan Agenda Media	246

## **SENARAI SINGKATAN**

BH	Berita Harian
BM	Berita Mingguan
BN	Barisan Nasional
MCA	Malaysian Chinese Association
MIC	Malaysian Indian Congress
MM	Mingguan Malaysia
PAS	Parti Islam Se-Tanah Melayu
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PBS	Parti Bersatu Sabah
Perikatan	Terdiri daripada UMNO-MCA-MIC
PPP	People's Progresive Party
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
UM	Utusan Malaysia
UMNO	United Malays National Organisation

## **BAB SATU**

### **PENGENALAN**

Institusi media dan institusi politik mempunyai perkaitan yang erat dan kedua-dua institusi tersebut sukar dipisahkan dan saling memerlukan di antara satu sama lain (Syed Arabi Idid, 1992 dan Mohd Safar Hasim, 1996). Di negara yang mengamalkan sistem demokrasi, media merupakan salah satu instrumen ke arah pencapaian tahap demokrasi (Nimmo, 1999); media berperanan untuk mempengaruhi khalayak bagi menterjemahkan sistem demokrasi dengan penyertaan para pengundi dalam pilihan raya umum sama ada mengajak pengundi untuk membuang undi atau mengajak pengundi untuk mengundi parti politik tertentu.

Media juga berperanan untuk menyebarluaskan maklumat serta menggarap pendapat umum sebagai sebahagian daripada proses politik dalam sesebuah masyarakat demokratik. Bagi mencapai tahap sebuah negara demokratik pula, pilihan raya umum dijadikan kayu pengukur untuk menguji tahap sokongan pengundi terhadap sesebuah parti politik bagi menambah sokongan atau ke arah pembentukan sesebuah kerajaan yang mana media merupakan antara penyumbang utama ke arah proses politik berkenaan (McCombs, 1994).

Justeru, dalam sistem demokrasi seperti yang berjalan di Malaysia, proses pilihan raya umum merupakan komponen penting yang menjadi amalan demokrasi di negara ini.

Sebagai sebuah negara yang demokratik, Malaysia telah melaksanakan sebanyak 11 kali pilihan raya umum, iaitu pada tahun 1959, 1964, 1969, 1974, 1978, 1982, 1986, 1990, 1995, 1999 dan 2004.

Sehingga kini, terdapat seramai lima Perdana Menteri telah terlibat secara langsung dan memainkan peranan utama sebagai komunikator politik utama dalam setiap pilihan raya umum yang telah dijalankan. Setiap Perdana Menteri mempunyai pendekatan tersendiri dalam mengolah peranan media untuk dijadikan sebagai sebahagian instrumen utama dalam kempen pilihan raya umum khususnya sebagai instrumen utama komunikasi politik bagi mendekati dan mempengaruhi khalayak serta untuk mengekal atau menambah sokongan rakyat (Kheng, 1987).

Pembinaan agenda merupakan suatu proses dalam komunikasi politik. Media telah digarap untuk melaksanakan agendanya melalui beberapa elemen utama yang terangkum seperti agenda dasar, agenda media, penentuan agenda, agenda umum dan pendapat umum (Baran dan Davis, 2003). Kesemua elemen berkenaan membentuk suatu proses lengkap komunikasi politik yang menggunakan media massa saluran untuk menyampaikan maklumat kepada khalayak.

Pembinaan agenda yang dilakukan melalui media telah menyaksikan bagaimana komunikator politik memainkan peranan utama dengan bantuan pengamal media untuk menyebarluaskan maklumat seperti agenda dasar, agenda umum dan pendapat umum (Kheng, 1987) agar dapat dihadamkan oleh khalayak bagi mereka membuat keputusan

dalam menentukan pengundian. Hasil daripada itu, sekiranya penyajian berita dipersembahkan secara positif maka akan dapat membentuk sokongan sebaliknya jika penyajiannya dibuat secara negatif, akan mewujudkan penolakan (Barsamian dan Chomsky, 2001) oleh khalayak terhadap berita tersebut.

Walau bagaimanapun ia tetap bergantung kepada sejauh mana kepintaran komunikator politik dan pengamal media untuk mempersesembahkannya kepada khalayak secara berhemah (*subtle*) atau secara langsung (Bimo et al., 1999). Media juga berperanan, sama ada disedari atau tidak untuk mengorientasikan minda khalayak melalui agenda medianya (McNair, 1999).

Justeru, kajian ini bertujuan untuk memaparkan hubungan yang terdapat di antara institusi politik dan media dalam agenda media, penentuan agenda dan pembinaan agenda semasa tempoh kempen pilihan raya umum dijalankan di Malaysia. Di samping itu, kajian ini juga akan mengenal pasti kandungan manifesto parti Barisan Nasional yang dijadikan bahan utama dalam membentuk berita melalui kedua-dua akhbar yang dikaji.

### **Penyataan Masalah**

Kajian ini dijalankan berteraskan kepada apakah media cetak perdana di Malaysia, khususnya akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian telah menggunakan manifesto Barisan Nasional sebagai bahan berita sepanjang tempoh kempen pilihan raya umum.

Kajian ini juga akan melihat setakat manakah akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian telah dan menggunakan pendekatan pembinaan agenda media, serta penentuan agendanya untuk mempengaruhi khalayak.

Isu yang dipaparkan dianggap mempunyai persamaan dengan kandungan manifesto yang dikeluarkan oleh Barisan Nasional. Oleh yang demikian, kajian ini akan memperlihatkan sama ada tanggapan tersebut mempunyai kebenaran atau sebaliknya.

Setiap kali pilihan raya umum diadakan, media cetak khususnya akan menyajikan pelbagai isu untuk disogokkan dalam kategori bahan berita, analisis berita, rencana pengarang, rencana, surat dari pembaca, karikatur dan sebagainya. Media massa kerap menyiarkan berita tentang situasi pilihan raya, aktiviti kempen pilihan raya, pergolakan parti, kenyataan pemimpin parti pemerintah atau pembangkang dan pelbagai isu lain (Syed Arabi Idid, 1992). Kajian ini akan menyingkap apakah jenis pemaparan yang telah dihidangkan untuk khalayak.

Walaupun isu atau bahan berita berlainan dalam setiap kali kempen pilihan raya umum diadakan, kajian akan melihat di manakah persamaan atau perbezaan, serta setakat manakah kekerapan pemaparan tersebut dilakukan oleh kedua-dua akhbar berkenaan.

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengenal pasti liputan berita melalui akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian menyamai isi kandungan manifesto Barisan Nasional